

Kelestarian bandar, kesejahteraan warganya



Oleh **PROF. MADYA DR. HALIZA ABDUL RAHMAN**

dr.haliza@upm.edu.my

SHAH ALAM, Johor Bahru, Georgetown, Kuantan dan Kuching adalah antara contoh bandar moden yang terdapat di Malaysia.

Sejak sekian lama, bandar memainkan peranan utama dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi kawasan sekitarnya.

Bandar merujuk kepada satu kawasan yang mempunyai intensiti pembangunan yang tinggi, infrastruktur lengkap, penduduknya tidak terikat dengan aktiviti pertanian dan seumpamanya selain lokasi penempatan tersebut memberi perkhidmatan sebagai pusat kebudayaan, pentadbiran dan ekonomi bagi sesebuah wilayah.

Kini, lebih separuh daripada penduduk Malaysia tinggal di bandar untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Bagi ahli masyarakat, bandar menjanjikan peluang ekonomi, sosial dan kemudahan asas yang baik tanpa mengira status sosial, pendidikan, politik mahupun keturunan.

Umumnya, kesejahteraan warga bandar boleh dipantau pada kualiti hidup mereka iaitu dari sudut keperluan asas seperti pekerjaan dan pendapatan, tempat perlindungan (perumahan), pemakanan dan pendidikan serta perlindungan tegas terhadap sumber dan persekitaran.

Kualiti hidup bandar merangkumi skop yang luas termasuklah penyediaan rumah mampu milik, rumah untuk kelompok tertentu seperti golongan kurang upaya, persekitaran bandar yang sihat dan penyediaan kemudahan awam.

Namun, aktiviti di bandar telah memberi pelbagai kesan kepada kesejahteraan alam sekitar dan penghuninya.

Rumah kediaman, pusat beli-belah, perkhidmatan dan industri mengeluarkan haba hasil



AKTIVITI di kawasan bandar dikatakan telah memberi pelbagai kesan kepada kesejahteraan alam sekitar dan penghuninya. – Gambar hiasan

penggunaan pendingin hawa, sampah sarap domestik, buangan sisa pepejal pusat komersial dan pelbagai sisa cecair dan pepejal industri yang sesetengahnya bersifat toksik serta berbahaya.

Masalah

Kemasukan migran yang ramai telah membentuk kawasan setinggan yang memusnahkan persekitaran.

Kesemua ini menjejaskan wajah kawasan bandar dan mempengaruhi keadaan cuacanya. Fenomena pulau haba menjadi lebih jelas di bandar berbanding kawasan pedalaman.

Merujuk kepada aspek sosial, bandar juga dihantui oleh pelbagai masalah seperti pengangguran, setinggan, kemiskinan, jenayah, aspek keselesaan, pelbagai isu kejurangan dan hubungan kekeluargaan yang renggang.

Hubungan kekeluargaan bertambah renggang disebabkan kesibukan mengejar masa dan mencari punca pendapatan untuk hidup.

Masyarakat menjadi individualistik disebabkan masing-masing hanya menjaga kepentingan dan kebajikan diri sendiri. Kesibukan harian juga telah menghilangkan perasaan kepedulian kepada masyarakat sekeliling.

Peningkatan kes jenayah pula mengancam keselamatan

penghuninya. Malahan, identiti kebudayaan setempat juga semakin hilang kerana masyarakat lebih terbuka dengan budaya luar.

Justeru, dalam kedinamikan bandar, aspek kelestarian mula diberi perhatian dan diterapkan bagi memastikan kelangsungan bandar, alam sekitar dan penghuninya dapat dipertahankan.

Ini selaras dengan Agenda 21 yang memberi penekanan terhadap pengintegrasian elemen alam sekitar, ekonomi dan populasi. Dari aspek kelestarian, kesejahteraan sesuatu bandar itu dapat disaksikan melalui kesejahteraan penghuninya dan persekitaran bandar tersebut.

Kerjasama

Bagi mewujudkan kehidupan dan persekitaran yang bermutu dalam kalangan warganya, maka Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) telah diwartakan dalam membentuk pembangunan bandar yang lestari, menyeluruh, teratur dan bagi menyediakan kehidupan yang selesa untuk semua warga bandar melalui kawalan perancangan.

Program *Bandar Selamat* juga telah diwujudkan bertujuan mewujudkan pembangunan dan persekitaran yang lestari serta masyarakat yang sejahtera.

Perancangan bandar yang baik akan mengambil kira

kehendak, permintaan dan keperluan penghuninya dengan memfokus kepada budaya dan identiti setempat khususnya bagi mencapai aspek kelestarian.

Bagi memastikan kesemua ini dipenuhi, penyertaan warga bandar dan kerjasama dua hala dengan pihak berkuasa yang berkaitan adalah sangat diperlukan. Ini selaras dengan ungkapan Shakespeare iaitu "Apalah bandar jika bukan manusianya".

Hal ini turut disokong oleh Ibnu Khaldun yang menyatakan: "Bandar dan kota dengan monumen-monumennya, gedung dan bangunan yang besar dibina untuk orang ramai, bukan untuk dinikmati kemudahannya oleh beberapa orang sahaja. Dengan demikian, usaha secara bersepadu dan kerjasama yang banyak adalah sesuatu yang diperlukan."

Namun, cabaran getir adalah untuk mengimbangi pembangunan dengan pengkalan sumber dan persekitaran yang selesa di bandar. Maka, banyak isu berkaitan pembangunan bandar memerlukan perancangan yang teliti.

Rentetan itu, tanggungjawab perancang bandar harus melampaui tugas pembentukan ruang dan bukan hanya sekadar menyusun atur bangunan tetapi juga membentuk wajah pembangunan, mengekalkan memori proses pembandaran semasa dan menyumbang kepada pembentukan identiti.

Kesimpulannya, sebagai pusat perkembangan tamadun manusia, bandar yang lestari mampu menunjukkan peningkatan dalam kemajuan ekonomi sambil menjaga kualiti persekitaran asli, menangani sebaiknya persekitaran binaan serta kesannya dan meneruskan kemajuan sosioekonomi penghuninya.

PENULIS ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM) serta merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM